

# Projek bangunkan Kampong Bharu diteruskan



**KHALID**

**PUTRAJAYA** - Kementerian Wilayah Persekutuan maklumkan projek pembangunan Kampong Bharu akan diteruskan dengan usaha seperti temu rapat dengan kumpulan kecil pemilik atau waris tanah sehingga Jun tahun ini.

Menterinya, Khalid Abdul Samad berkata, ia antara perkara yang akan dilaksanakan, ditangani dan dijalankan kementerian itu sepanjang tahun 2020.

Beliau berkata, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) ditugaskan bagi menangani isu usaha pembangunan di kawasan itu sehingga selesai.

“Kita ada pelbagai program yang akan ditangani dan dijalankan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Pada masa yang sama, setiap satu agensi di bawah kementerian menumpukan tugas masing-masing.

“Dalam soal pembangunan Kampong Bharu, apabila PKB selesaikan tugas yang dijangka pada Jun tahun ini, kita akan umumkan perancangan di kawasan itu,” katanya pada Sesi Temu Bual Khas Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 di sini semalam.

Tambah Khalid, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga mempunyai tugas besar bagi menyediakan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (KL2040) supaya pembangunan di Kuala Lumpur terkawal.